



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

REBUT PELUANG SEBELUM 31 DISEMBER 2024 : SIMPAN SSPN BERI PELEPASAN TAKSIRAN CUKAI PENDAPATAN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah memperkenalkan Simpan SSPN pada tahun 2004 untuk menggalakkan ibu bapa membuat perancangan kewangan awal bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak. Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada pendeposit seperti pelepasan taksiran cukai sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, kadar dividen yang kompetitif, simpanan yang dijamin kerajaan dan patuh syariah.
2. Simpan SSPN merupakan satu-satunya produk simpanan yang menawarkan manfaat pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih tahun semasa sehingga RM8,000 setahun. Ibu bapa sebagai pendeposit Simpan SSPN layak mendapat pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih sehingga RM8,000 setahun setiap seorang sekiranya membuat taksiran cukai secara berasingan. Manakala, ibu bapa sebagai pendeposit yang membuat taksiran cukai bersama layak mendapat pelepasan taksiran cukai sehingga RM8,000 setahun untuk satu pasangan.
3. Pengerusi PTPTN, YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim berkata, "PTPTN sentiasa komited melaksanakan pelbagai insentif bagi memastikan ibu bapa mempunyai perancangan kewangan untuk masa depan anak-anak mereka. Dengan memperkenalkan Simpan SSPN, kita telah membuka ruang serta peluang kepada ibu bapa untuk memulakan penabungan khususnya bagi tujuan pendidikan dan memupuk amalan menabung dari awal usia anak-anak."

4. “Justeru itu, saya menyeru kepada masyarakat Malaysia untuk segera membuat simpanan dalam Simpan SSPN sebelum 31 Disember 2024 agar berpeluang menikmati insentif pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun bagi tahun taksiran 2024. Ia merupakan insentif istimewa kepada pendeposit Simpan SSPN yang memberikan kelebihan berbeza berbanding produk simpanan lain di pasaran selain menikmati pelbagai manfaat lain yang ditawarkan. Saya juga berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah melanjutkan insentif pelepasan taksiran cukai ini kepada pendeposit Simpan SSPN sehingga tahun taksiran 2027,” tambah beliau.

5. Pelbagai usaha dan strategi juga telah dilaksanakan oleh PTPTN bagi membudayakan amalan penabungan. Sebagai tanda penghargaan dan menggalakkan penabungan kepada masyarakat Malaysia, PTPTN mengadakan Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2024 yang menawarkan hadiah wang tunai yang lumayan dengan jumlah keseluruhan bernilai lebih RM1.3 juta menanti 983 orang pemenang. Tempoh promosi bermula pada 1 Januari 2024 dan akan berakhir pada 31 Disember 2024.

6. Sehingga 30 November 2024, deposit Simpan SSPN yang diterima adalah berjumlah RM19.44 bilion dengan 6.69 juta akaun direkodkan. Ini menunjukkan Simpan SSPN menjadi pilihan utama masyarakat Malaysia untuk membuat penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi.

7. Pembukaan akaun atau penambahan simpanan boleh dibuat melalui aplikasi myPTPTN bagi urusan yang lebih mudah, cepat dan selamat. Pendeposit juga boleh melayari portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai keistimewaan dan manfaat produk Simpan SSPN.

Diedarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
26 Disember 2024**

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)